

No. S 14

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN) (PINDAAN), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 7 dari Perlembagaan III.
 3. Pindaan bab 8.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN) (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan), 2008.

Pindaan bab 7 dari Perlembagaan III.

2. Bab 7 dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (2) —

"(3) Wang-wang yang ada dalam kredit Kerajaan dengan mana-mana bank atau pun selainnya dipegang oleh Kerajaan boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dilaburkan oleh Menteri —

(a) untuk didepositkan di dalam mana-mana bank; atau

(b) sebagaimana yang dibenarkan dengan cara lain oleh sebarang undang-undang bertulis,

dan pelaburan-pelaburan tersebut, berserta dengan apa jua pendapatan dalam bentuk dividen, keuntungan, faedah atau pulangan yang diterima darinya hendaklah menjadi sebahagian dari Kumpulanwang Yang Disatukan.";

(b) dengan menomborkan semula cerai (3) yang ada sebagai cerai (3A);

(c) dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (3A) —

"(4) Pendapatan yang diterima dari pelaburan mana-mana wang menurut cerai (3) hendaklah dimasukkan-kirakan ke dalam Akaun Hasil Yang Disatukan kecuali jika diperuntukkan demikian dalam sebarang undang-undang atau di bawah sebarang amanah, bahawa pendapatan yang diterima dari pelaburan wang-wang yang ada dalam kredit mana-mana akaun amanah dalam Akaun Amanah Yang Disatukan hendaklah dibayar ke dalam kredit akaun amanah itu.";

(d) dengan menomborkan semula cerai (4) yang ada sebagai cerai (4A);

(e) dalam cerai (4A), dengan memotong "(3)" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "(3A)";

(f) dalam baris kedua cerai (5) —

(i) dengan memotong "perenggan (c)" dan menggantikannya dengan "perenggan (b)";

(ii) dengan memasukkan "atau perenggan (c) cerai (3A)" sejurus selepas "cerai (3)".

Pindaan bab 8.

3. Bab 8 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai 2(d), dengan memotong "cerai (4)" dan menggantikannya dengan "cerai-cerai (4) dan (4A)".

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 4 haribulan Februari, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM